



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 30 MAC SEHINGGA 5 APRIL 2019

RON97	RON95	DIESEL
2 sen	0 sen	0 sen
RM2.63/seliter RM2.61	RM2.08/seliter	RM2.18/seliter

HARGA RUNCIT PRODUK PETROL **RON95** DAN **DIESEL** BAGI TEMPOH DI ATAS ADALAH **DIKEKALKAN** PADA PARAS **RM2.08** SELITER DAN **RM2.18** SELITER BERIKUTAN KEPUTUSAN KERAJAAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 30 MAC 2019 SEHINGGA 5 APRIL 2019

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 30 Mac 2019 sehingga 5 April 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter iaitu daripada RM2.61 seliter kepada RM2.63 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh 30 Mac 2019 sehingga 5 April 2019 sepatutnya adalah sebanyak RM2.33 seliter dan RM2.36 seliter masing-masing. Namun, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh di atas adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
29 Mac 2019

Tweet

Like Be the first of your friends to like this.